

IPMB UMS sedia bekerjasama

Oleh SADDAM EDRIS

► Kurangkan fenomena pemutihan karang

06.07.2019 A10

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) bersedia memberi kerjasama dengan semua pihak dalam usaha mengurangkan fenomena pemutihan karang (Bleaching Coral) yang memudaratkan ekosistem marin di negeri ini.

Pengarah IPMB Profesor Dr Rossita Shapawi berkata, usaha itu juga adalah salah satu tumpuan utama institusi berkenaan buat masa ini yang mana fenomena itu boleh menjejaskan habitat terumbu karang pada masa hadapan.

“Kita memang ada data penyelidikan berkaitan terumbu karang yang mengalami

“Jadi, kita perlu bekerjasama dengan semua rakan strategik termasuk komuniti bagi memberi kesedaran perubahan iklim ini yang bersangkutan paut dengan aktiviti manusia, pencemaran dan perindustrian.”

PROFESOR DR ROSSITA SHAPAWI
Pengarah IPMB



WARGA IPMB UMS merakam gambar kenangan bersama ketika pelancaran sambutan Hari Lautan 2019 sempena Hari Laut Sedunia.

‘bleaching’ yang mana salah satu berpunca daripada perubahan iklim.

“Jadi, kita perlu bekerjasama dengan semua rakan strategik termasuk komuniti bagi memberi kesedaran kesan perubahan iklim ini yang bersangkutan paut dengan aktiviti manusia, pencemaran dan perindustrian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan sambutan Hari Lautan 2019 sempena Hari Laut Sedunia, di sini pada Jumaat.

Dalam pada itu, beliau berkata, pelajar UMS khususnya yang mengambil bidang marin di peringkat ijazah, sarjana dan PHD juga sentiasa diberi pendedahan berkenaan tanggungjawab menjaga

persekitaran marin.

Bukan itu sahaja, katanya, bagi pelajar peringkat Sarjana dan PhD, mereka turut melibatkan diri dalam penyelidikan berkaitan ekosistem marin.

“Di samping itu, kami juga ada menawarkan satu platform yang mana pelajar-pelajar kami akan melaksanakan aktiviti bersama komuniti,

sekolah berkongsi kesedaran tanggungjawab mereka menjaga ekosistem marin,” katanya.

Selain itu, Rossita berkata, UMS juga komited menggalakkan kakitangan dan pelajar menolak penggunaan plastik bagi memulihara ekosistem marin di negeri ini.

Menurutnya, universiti itu sudah memulakan beberapa

kempen tanpa plastik sejak tahun lalu lagi dan mendapat sambutan menggalakkan dari pelbagai pihak.

“Kami juga melaksanakan kempen ini secara berterusan sehingga sekarang yang bukan sahaja di peringkat universiti tetapi juga kepada rakan strategik.

“Pelajar kami juga digalakkan melaksanakan aktiviti luar dengan memberi ceramah kepada masyarakat setempat berkenaan kesedaran bahaya penggunaan plastik kepada alam sekitar dan kehidupan marin,” katanya.

Terdahulu, sambutan perayaan laut tahun ini mengambil tema ‘Jantina dan Lautan’ yang bermaksud kepentingan kesaksamaan jantina dalam memastikan pemuliharaan laut yang berkesan.

Selain itu, fokus konservasi sambutan ini juga adalah untuk memberi inspirasi orang ramai untuk membantulas pencemaran plastik.